

# VIBRANT WORKFORCE

## Suatu pendekatan holistik ke arah pembangunan sikap warga kerja

Sebuah kumpulan kerja yang dinamik merupakan asas utama sesebuah organisasi. Cabarannya adalah bagaimana untuk menjadikan kumpulan kerja tersebut benar-benar berperanan untuk memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Kumpulan kerja bukan diwujudkan, ini merupakan salah tanggapan yang harus diperbetulkan segera, sebaliknya kumpulan harus dibina. Proses pembinaan inilah yang dinamakan pembinaan kumpulan atau dalam bahasa yang biasa didengar ' *teambuilding* '.

Konsep teambuilding adalah untuk membina hubungan interpersonal dan interaksi sosial dikalangan anggota bagi menjadikan anggota kumpulan saling bergantung diantara satu sama, bertoleransi, berperasaan dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab.

**Fokus utama modul latihan ini adalah untuk ;**

- Membina Kepercayaan & Perhubungan (Building Trust & Relationship),
- Membina Keupayaan (Building Capacity),
- Membina Pencapaian (Building Performance),
- Membina Pertumbuhan (Building Growth).

Dalam kursus ini beberapa isu penting dalam semangat kerja berpasukan seperti asas-asas kerja berpasukan, bagaimana membina kebersamaan, mengagihkan kerja dan peranan, jenis kemahiran dan kompetensi yang diperlukan sebagai satu pasukan yang berkesan di tempat kerja akan dibincangkan.

## HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir kursus ini peserta akan memahami konsep-konsep berikut ;

- ✓ Pandangan anggota kerja mengenai kerja (Kesedaran Diri).
- ✓ Bagaimana anggota kerja bekerja dalam satu pasukan (Kesedaran Kerja Berpasukan).
- ✓ Bagaimana anggota kerja memimpin organisasi (Kesedaran Kepimpinan ).



## OBJEKTIF

- ✓ Membina semangat kerja berpasukan di kalangan anggota kerja dan menjuruskan kepada pembangunan kakitangan dan organisasi .
- ✓ Merapatkan hubungan dan komunikasi antara anggota kerja dari pelbagai peringkat dan lapisan seterusnya menjana tenaga kerja yang ceria dan bertenaga (“Vibrant Workforce”).

## SILIBUS

- ✓ Membina semangat kerjasama berpasukan.
- ✓ Memanfaatkan kepelbagaian, sumber dan sinergi,
- ✓ Kekuatan dan kelebihan individu dalam pasukan.
- ✓ Merapatkan hubungan interpersonal dan komunikasi berkesan di kalangan warga kerja.
- ✓ Menjana tenaga kerja yang ceria, bertenaga dan bersemangat berdasarkan 4 teras kejayaan iaitu ;
  - Membina Kepercayaan & Perhubungan (Building Trust & Relationship),
  - Membina Keupayaan (Building Capacity),
  - Membina Pencapaian (Building Performance),
  - Membina Pertumbuhan (Building Growth).